

04 JUL 1997

Salam

900 SUKARELAWAN SERTAI YAYASAN SALAM

PETALING JAYA, 4 Julai (Bernama) -- Sebanyak 900 sukarelawan menyertai Yayasan Salam Malaysia (SALAM) sejak pengumuman mengenainya dibuat oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 Mei lepas, kata Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan itu Hajah Marina Yusoff.

Beliau berkata, lebih ramai dijangka mendaftar sebagai sukarelawan pada majlis pelancaran Yayasan itu oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pada 22 Julai ini.

Beliau berkata pada majlis itu, Anwar akan menyampaikan anugerah khas yayasan kepada lima orang yang banyak menyumbangkan jasa menerusi aktiviti sukarela di negara ini.

Marina berkata pada hari pelancaran itu juga satu pameran mengenai Yayasan Salam akan diadakan bagi menerangkan kepada masyarakat tentang konsep sukarela yang didokong oleh yayasan itu.

Semasa bercakap di persidangan berita di pejabat Yayasan itu di sini, beliau berkata para sukarelawan Salam akan diberikan latihan khas sebelum menjalankan kerja kemasyarakatan di dalam dan di luar negara secara penuh masa dalam tempoh antara 12 hingga 24 bulan.

Ini bermakna para sukarelawan akan tinggal dan melibatkan diri secara langsung dengan sesuatu kelompok masyarakat dan ini bermakna mereka yang sedang berkhidmat sama ada dengan kerajaan atau swasta terpaksa mengambil cuti sepanjang tempoh menjalankan khidmat sosial itu," katanya.

Justeru itu, katanya penyertaan daripada kalangan yang baru tamat pengajian di universiti serta pesara adalah amat dialu-alukan.

Marina berkata sepanjang perkhidmatan itu, para sukarelawan akan diberi elaun yang mencukupi untuk sara hidup serta tempat tinggal di samping kemudahan perubatan serta insurans yang sesuai.

Anwar ketika mengumumkan butiran program sukarelawan khidmat sosial Malaysia ala "Peace Corps" Amerika Syarikat itu Mei lepas berkata, Salam merupakan langkah susulan sumbangan negara kepada kesejahteraan hidup masyarakat kurang bernasib baik di Malaysia dan di luar negara selepas bertahun-tahun Malaysia membina imej dan reputasi yang baik di peringkat antarabangsa.

"Ini merupakan saranan penting Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang berpendapat bahawa sudah sampai masanya kita pula mula memberi khidmat sosial kepada golongan kurang bernasib baik di luar negara. Sementara itu kita juga tidak harus melupakan masyarakat yang terpinggir di negara kita sendiri," katanya.

Marina berkata buat permulaan para sukarelawan Salam akan menumpukan kepada aspek pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan di dalam negeri sebelum meliputi beberapa buah negara Asean.

Maklumat mengenai yayasan serta butiran khidmat sukarela Salam boleh didapati dengan menghubungi telefon 03-7584021, katanya. -- BERNAMA

AKT PR